

AUDIT KEAKURAN (COMPLIANCE AUDIT)

1. Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti melantik 2 (dua) Pegawai Audit bagi menjalankan audit keakuran.
2. Surat makluman mengenai tarikh dan tujuan audit dikeluarkan atas persetujuan pegawai audit dan pemohon.
3. Audit keakuran dijalankan di premis pemohon yang merangkumi audit dokumen, QAP, GAHP dan HACCP, dan audit lapangan.
4. Sekiranya terdapat ketidakakuratan (CAR), tindakan pembetulan perlu dilakukan dalam tempoh yang dipersetujui.
5. Jika perlu, audit susulan akan dijalankan bagi mengesahkan semua tindakan pembetulan yang dilakukan oleh pemohon. Kegagalan mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh 6 (enam) bulan dari tarikh CAR akan menyebabkan permohonan dibatal.
6. Pegawai Audit menyediakan dan membentangkan laporan kepada Jawatankuasa Teknikal Skim Pensijilan DVS untuk pertimbangan.
7. Pemohon akan dimaklumkan melalui surat pemberitahuan kelulusan, No. SALT dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi sekiranya lulus.